



**PIHAK BERKUASA PERANTI PERUBATAN  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**IKLAN JAWATAN KOSONG**

1. (a) Jawatan : Pegawai Teknologi Maklumat Gred F9  
Pihak Berkuasa Peranti Perubatan,  
(b) Kementerian / Jabatan : Kementerian Kesihatan Malaysia  
(c) Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan Dan Profesional  
(d) Klasifikasi Perkhidmatan : Sistem Maklumat
2. Bilangan Kekosongan Jawatan : 1 jawatan
3. Gaji Yang Ditawarkan : Gaji Pokok minimum : RM2,580.00 (rujuk syarat lantikan)  
Elaun-elaun  
i) Imbuan Tetap Khidmat Awam : RM 300.00  
ii) Imbuan Tetap Perumahan : RM 300.00  
iii) Bayaran Imbuan Sara Hidup : RM 300.00  
\*Termasuk Caruman KWSP
4. Syarat Lantikan : (a) Warganegara Malaysia;  
(b) Berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;  
(c) Hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan  
(i) Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer dengan Kepujian, Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat dengan Kepujian, Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan dalam bidang Kejuruteraan Komputer atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred F9: RM2,580.00); atau  
(ii) Ijazah Sarjana dalam bidang Sains Komputer, Teknologi Maklumat, Kejuruteraan Komputer atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred F9: RM3,020.00); atau  
(iii) Ijazah Kedoktoran dalam bidang Sains Komputer, Teknologi Maklumat, Kejuruteraan Komputer atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred F9: RM3,350.00)




5. Taraf Jawatan : **Contract of Service (COS)**
6. Penaklukan Di Bawah Syarat-Syarat Skim Perkhidmatan : Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan Pegawai Teknologi Maklumat Gred F9 adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim Perkhidmatan yang berkenaan yang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.
7. Fungsi Bidang Tugas : **Seperti di lampiran A**
8. Cara Memohon : Pemohon hendaklah menghantar salinan dokumen – dokumen berikut:
- Borang Permohonan Jawatan COS – dilampirkan bersama iklan
  - Resume bergambar;
  - Kad Pengenalan;
  - Sijil Kelahiran;
  - Sijil Tamat Persekolahan;
  - Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)
  - Sijil Ijazah Sarjana Muda / Ijazah Sarjana / Ijazah Kedoktoran
  - Transkripsi Ijazah Sarjana Muda / Ijazah Sarjana / Ijazah Kedoktoran
  - Lain-lain dokumen sokongan.

E-mel kepada: [jobvacancy@mda.gov.my](mailto:jobvacancy@mda.gov.my)

Tajuk e-mel: Permohonan F9- COS

- Pemohon-pemohon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan / Badan Berkanun / Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing, dan disertakan dengan salinan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan dan kenyataan Perkhidmatan yang terkini.
- Permohonan yang tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan atau tidak lengkap akan ditolak.
- Hanya calon-calon yang berkelayakan setelah ditapis dan didapati sesuai sahaja akan dipanggil untuk temuduga. Permohonan yang tidak menerima apa-apa jawapan dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap sebagai tidak berjaya.

9. Tarikh Tutup Permohonan : **10 Oktober 2025 (Jumaat) jam 3.00 petang**

  
**NURUL AINI BINTI SURIP**  
Pihak Berkuasa Peranti Perubatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
Tarikh: 24 September 2025



**DESKRIPSI TUGAS PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT GRED F9**

1. Bertanggungjawab dalam membuat perancangan ICT serta melaksana, mengawal dan menilai projek-projek ICT termasuk projek yang lebih kompleks, besar dan berbilang.
2. Bertanggungjawab dalam menyelaras kajian kemungkinan dan analisis keperluan pengguna dan sistem termasuk pembangunan sistem yang lebih kompleks.
3. Bertanggungjawab dalam menyelaras sebarang reka bentuk sistem mengikut hasil analisis termasuk pembangunan sistem yang lebih kompleks.
4. Bertanggungjawab dalam menyelaras sebarang bentuk pemrograman, pengujian, latihan dan *roll out* yang melibatkan pembangunan sistem yang lebih kompleks.
5. Bertanggungjawab dalam menyelaras penyelenggaraan sistem serta pembangunan sistem yang lebih kompleks.
6. Bertanggungjawab dalam menyelaras sebarang bentuk penyediaan dokumentasi di setiap peringkat pembangunan sistem serta pembangunan sistem yang lebih kompleks.
7. Mengurus dan menggembelng beberapa projek ICT atau unit serta mensintesis pengurusan sumber, infrastruktur dan kewangan.

Keutamaan akan diberikan kepada calon yang mempunyai kemahiran dan pengalaman dalam bidang pembangunan sistem, pentadbir pangkalan data, kepintaran buatan dan, pengurusan projek ICT

